



P. HAYMASUTHAN (emas), Mohd. Farhan Kamarzaman (gangsa), Yeo Suh Chan (perak) dan Amran Hamid (perak) bersama pasukannya sejurus tiba di KLIA selepas menyertai pertandingan Ablympics 2016 di Perancis, minggu lalu.

Empat OKU harumkan nama negara

SEPANG 29 Mac - Keecatan bu-
kan penghalang bagi empat orang
kurang upaya (OKU) termasuk se-
orang wanita untuk mengharum-
kan nama negara apabila masing-
masing merangkul pelbagai pingat
dalam pertandingan Ablympic
Antarabangsa Kesembilan yang
berlangsung di Bordeaux, Perancis
minggu lalu.

Mereka adalah tiga OKU cacat
pendengaran iaitu P. Haymasu-
than, 34; Yeo Suh Chan, 35, dan
Mohd. Farhan Kamarzaman, 24,
serta seorang OKU cacat penglihatan,
Amran Hamid, 30.

Presiden Majlis Pemulihan Ma-
laysia, Datin Khadijah Suleiman
berkata, Malaysia telah mendapat
pingat emas untuk kategori fo-
tografi tertutup yang dimenangi
oleh Haymasuthan manakala OKU
wanita, Suh Chan pula menerima
anugerah kecemerlangan dalam
perandingan lüksan.

“Dua OKU lain masing-masing
mendapat gangsa iaitu Amran bagi
kategori lüksan sutera dan Mohd.
Farhan pula dalam pertandingan
reka bentuk laman web.

“Malaysia telah bersaing ber-
sama peserta dari 35 buah negara
dalam 14 kategori seperti mema-
sak, melukis dan pertukangan
pada pertandingan tersebut. Al-
hamdulillah saungan itu mem-
buhkan hasil apabila kita berjaya
membawa pulang empat pingat,”
katanya ketika ditemui di Lapa-
ngan Terbang Antarabangsa Kuala
Lumpur (KLIA), di sini hari ini.

Keibahan empat OKU berke-
naan bersama kontinjen yang me-
nyertai pertandingan itu ke tanah
air diraikan dengan sambutan
sorakan oleh keluarga dan rakan-
rakan yang menanti kepulangan
mereka.

Pada masa sama, Khadijah
berkata, kemenangan itu mem-

buktikan golongan OKU mampu
menempa kejayaan dalam pelba-
gai bidang sekali gus berpeluang
mengukir nama negara di peting-
kat antarabangsa.

Beliau memberitahu, pihaknya
akan berusaha lebih keras den-
gan membuat perancangan tera-
tur dalam memastikan negara
memenangi banyak pingat dalam
perandingan tersebut pada masa
hadapan.

Sementara itu, Haymasuthan
ketika ditemui berkata, dia tidak
sangka dapat membawa pulang
pingat emas meskipun mengakui
wujud persaingan sengit dalam
kalangan negara yang menyertai
perandingan itu.

Katanya, kejayaan tersebut me-
rupakan satu pengiktirafan bagi
dirinya sebagai OKU kerana wa-
laupun kurang upaya, dia mampu
memperoleh kejayaan seperti
orang lain.